



**PEKELILING AKADEMIK**  
**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**  
**Bilangan 02 Tahun 2023**

---

**GARIS PANDUAN**  
**PENGURUSAN PELAJAR ANTARABANGSA UPNM**

---

## **1.0 PENDAHULUAN**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penetapan Garis Panduan sebagai rujukan serta panduan kepada Fakulti/Pusat Pengajian dan pihak berkepentingan dalam Universiti tentang hal-hal berkaitan Pengurusan Pelajar Antarabangsa.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 UPNM menumpukan usaha dan strategi terhadap faktor-faktor pengukuran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan.

2.2 Justeru, Garis Panduan Amalan Terbaik Pengurusan Pelajar Antarabangsa yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi diadaptasi dan disesuaikan dengan UPNM. Pewujudan Garis Panduan ini penting bagi menentukan skop dan aspirasi dalaman UPNM sebagai hab pendidikan antarabangsa berdasarkan bidang tujuan Pertahanan dan Keselamatan.

2.3 Garis Panduan ini hendaklah dijadikan panduan dan sumber rujukan utama kepada Fakulti/ Pusat/ Jabatan/ Bahagian (FPJB) dalam perancangan strategi serta pelaksanaan aktiviti pengantarabangsaan.

## **3.0 PUNCA KUASA**

3.1 Lembaga Pengarah Universiti.

## **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

4.1 Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai 11 Disember 2022 iaitu tarikh kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali ke-50 Bilangan 4 Tahun 2022.

4.2 Garis Panduan adalah seperti di **Lampiran 1**.

4.3 Fakulti/ Pusat/ Jabatan/ Bahagian (FPJB) hendaklah merujuk kepada pihak Pusat Jaringan Akademik dan Antarabangsa (PJAA) tentang hal-hal berkaitan Garis Panduan ini.



**PROF. DATO' TS DR. AHMAD MUJAHID BIN AHMAD ZAIDI**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Dikelilingkan kepada:

- Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat)
- Dekan Fakulti Kejuruteraan
- Dekan Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
- Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan
- Dekan Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan
- Dekan Pusat Pengurusan Siswazah
- Pengarah Pusat Asasi Pertahanan
- Pengarah Pusat Bahasa
- Pengarah Akademi Kecergasan Pertahanan
- Pengarah Institut Pengajian Eksekutif UPNM (NIEEd)

Nombor Fail : UPNM(TNC)(A)01.03/04 (2)

Tarikh : 3 Mac 2023



## **GARIS PANDUAN PENGURUSAN PELAJAR ANTARABANGSA UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

---

### **1.0 PENGENALAN**

- 1.1** Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Fakulti/ Pusat. Jabatan/ Bahagian (FPJB) berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab dalam Pengurusan Pelajar Antarabangsa.
- 1.2** Garis Panduan ini selaras dengan hasrat dan matlamat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi bertaraf antarabangsa seperti yang digariskan di bawah Lonjakan 8: Keunggulan Global, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) komited dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian.
- 1.3** Dengan adanya Garis Panduan ini juga, pengurusan hal ehwal pelajar antarabangsa menjadi tumpuan dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan pelajar antarabangsa.

### **2.0 TAKRIF**

- 2.1** Garis Panduan ini mengguna pakai takrifan untuk terma-terma yang berikut:
  - 2.1.1** Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merujuk kepada penggubal dan penyelaras dasar berkenaan dengan hal ehwal pendidikan tinggi;

- 2.1.2 Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) merujuk kepada agensi kawal selia IPT yang berdaftar di bawah KPT dan pelaksana dasar yang ditetapkan oleh KPT;
- 2.1.3 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) merujuk kepada agensi kawal selia Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah KPT dan pelaksana dasar yang ditetapkan oleh KPT;
- 2.1.4 Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) merujuk kepada entiti yang berikut:
- 2.1.4.1 Universiti Awam (UA) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] termasuk International Islamic University of Malaysia (IIUM) yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [Akta 173];
- 2.1.5 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) merupakan Universiti atau Kolej Universiti atau Kampus Cawangan Luar Negeri atau Kolej yang diluluskan penubuhan dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi 1996 [Akta 555].
- 2.1.6 Pusat Jaringan Akademik dan Antarabangsa adalah entiti UPNM yang diberi tanggungjawab bagi menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengantarabangsaan yang melibatkan staf dan/ atau pelajar.
- 2.1.7 Pelajar antarabangsa merujuk kepada warga asing yang mengikuti pengajian atau program UPNM yang berikut:
- 2.1.7.1 pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa, atau secara dalam talian, merangkumi peserta program mobility (*internship/ mentorship/ student exchange/ penyelidikan dsb.*) dan Edutourism secara jangka panjang atau jangka pendek di UPNM; atau
- 2.1.7.2 pelajar bukan warganegara yang mengikuti pengajian akademik sekurang-kurangnya satu semester (enrolmen) atau sehingga bergraduat di Malaysia secara fizikal dan/ atau virtual; atau

- 2.1.7.3 pelajar bukan warganegara yang berdaftar di IPT Luar Negara dan mengikuti program akademik yang dianjurkan oleh IPT di Malaysia, dihadiri secara fizikal dan/atau virtual yang boleh dilaksanakan secara berkredit dan tidak mengikut ketetapan UPNM dengan tempoh dua belas (12) bulan dan ke bawah yang menyertai program *mobility (inbound)* termasuk aktiviti akademik, pertukaran pelajar, *mobility/virtual mobility/mobility industry*, lawatan akademik, *summer/winter course*, *familiarisation trip*, *campus transfer*, pertukaran budaya, latihan industri dan lain-lain aktiviti yang berkaitan;
- 2.1.8 Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) merujuk kepada satu-satunya agensi kerajaan di Malaysia di bawah KPT yang bertanggungjawab menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi program pengajian yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi sektor awam dan swasta, seperti Universiti Awam (UA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), melalui sistem Kerangka Kelayakan Malaysia yang menjadi sumber rujukan kriteria dan kelayakan kebangsaan;
- 2.1.9 *Education Malaysia Global Services* (EMGS) merujuk kepada sebuah Syarikat Berhad Mengikut Jaminan (SBMJ – *Company Limited by Guarantee*) yang diletakkan di bawah kawalan KPT untuk menjalankan fungsi pemasaran, promosi dan pengurusan pengambilan pelajar antarabangsa ke Malaysia;
- 2.1.10 Kementerian Dalam Negeri (KDN) merujuk kepada penggubal dasar berkenaan dengan hal ehwal keselamatan negara yang meluluskan permohonan lesen pengambilan pelajar antarabangsa daripada PTS;
- 2.1.11 Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merujuk kepada pelaksana dasar yang ditetapkan oleh KDN berkenaan dengan hal ehwal imigresen dan bertanggungjawab memberi kelulusan dan pengeluaran Visa dan Pas Pelajar kepada pelajar antarabangsa;
- 2.1.12 Kementerian Luar Negeri (KLN) merujuk kepada penggubal dasar berkenaan dengan hal ehwal keselamatan negara di luar negara dan pelaksana proses legalisasi dokumen di bawah Akta Pegawai-Pegawai Diplomat dan Konsul (Sumpah dan Fi) 1959 (Semakan

1988) agar dokumen yang melalui proses legalisasi dapat digunakan secara rasmi di luar Malaysia kerana diiktiraf sah di sisi undang-undang negara yang berkenaan. Berdasarkan konteks Garis Panduan ini, dokumen yang dimaksudkan merujuk kepada dokumen akademik, iaitu sijil atau/dan transkrip akademik, yang dikeluarkan oleh IPT di Malaysia. Pengesahan dokumen akademik ataupun proses legalisasi dokumen di Kementerian Luar Negeri hanya akan dilakukan setelah kesahihan dokumen tersebut disemak dan diakui sah oleh pegawai-pegawai Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA) dan Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI) di JPT selaku agensi kawal selia IPT. Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA) merujuk kepada bahagian di JPT yang menyemak kesahihan dan mengesahkan dokumen akademik yang dikeluarkan oleh Universiti Awam (UA) manakala Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat (BPI) merujuk kepada bahagian di JPT yang menyemak kesahihan dan mengesahkan dokumen akademik yang dikeluarkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS);

2.1.13 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merujuk kepada penggubal dasar berkenaan dengan hal ehwal perubatan dan kesihatan awam yang bertanggungjawab dalam penentuan syarat saringan kesihatan dan rawatan bagi pelajar antarabangsa.

### **3.0 KESEJAHTERAAN DAN KESELAMATAN PELAJAR ANTARABANGSA**

#### **3.1 Penyediaan Pelan Pengurusan Krisis**

- 3.1.1 UPNM memastikan perancangan strategik dan pelan pengurusan krisis pelajar antarabangsa disediakan demi memastikan pengurusan kesejahteraan dan keselamatan pelajar antarabangsa.
- 3.1.2 Perancangan strategik serta pelan pengurusan krisis pelajar antarabangsa hendaklah disemak secara berkala bagi memastikan maklumat dan prosedur masih kekal relevan dan memenuhi keperluan dan situasi semasa.
- 3.1.3 UPNM sentiasa melibatkan pelajar dan pihak berkepentingan dalam usaha pembangunan perancangan strategik serta pelan pengurusan krisis pelajar antarabangsa bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan pelajar antarabangsa terjamin.

- 3.1.4 Cadangan Pelan Pengurusan Krisis yang boleh diguna pakai sebagai rujukan dan panduan UPNM adalah seperti di **Lampiran A**.
- 3.2** Penilaian Tahap Keberkesanan Pelaksanaan Perancangan Strategik dan Pelan Pengurusan Krisis
- 3.2.1 Penilaian tahap keberkesanan pelaksanaan perancangan strategik dan pelan pengurusan krisis hendaklah dibuat dari semasa ke semasa bagi memastikan pengurusan dan pemantauan kesejahteraan dan keselamatan pelajar antarabangsa dilaksanakan dengan berkesan.
- 3.2.2 Penilaian tahap keberkesanan pelaksanaan perancangan strategik dan pelan pengurusan krisis boleh dibuat melalui:
- 3.2.2.1 maklum balas daripada pelajar antarabangsa dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan; dan
- 3.2.2.2 data kuantitatif mahupun kualitatif yang berkaitan (termasuk aduan pelajar).
- 3.2.3 UPNM akan mengambil tindakan segera yang sewajarnya bagi menangani sebarang kekurangan dalam amalan pengurusan kesejahteraan dan keselamatan pelajar antarabangsa setelah semakan berdasarkan Para 3.2.1 dan 3.2.2 selesai.
- 3.3** Pemakluman Mengenai Pelan Pengurusan Krisis
- 3.3.1 Maklumat tentang Pelan Pengurusan Krisis hendaklah sentiasa ada dalam pelbagai format yang mudah dicapai (termasuk ketersediaan di laman web rasmi UPNM) untuk kegunaan dan rujukan pelajar, kakitangan dan khalayak awam sekiranya berlaku krisis dalam kalangan pelajar antarabangsa atau pergolakan di negara luar yang boleh mempengaruhi hubungan diplomasi Malaysia dengan negara luar.
- 3.4** Pengurusan dan Komunikasi yang Berkesan
- 3.4.1 UPNM mengumpul maklumat daripada semua pihak berkepentingan yang berkaitan dan memastikan maklumat disampaikan merentas semua lapisan warga UPNM bagi tujuan mengenal pasti isu-isu yang boleh mengancam kesejahteraan, keselamatan dan mempengaruhi tingkah laku pelajar agar tindakan merujuk pelajar kepada

perkhidmatan sosial, perubatan dan kesihatan yang sewajarnya dapat dilakukan dengan berkesan.

3.4.2 UPNM menyediakan latihan secara berterusan dan sumber rujukan bahan/maklumat yang lengkap berkaitan peranan semua kakitangan di UPNM, yang merangkumi:

- a. tanggungjawab UPNM yang termaktub dalam Garis Panduan ini;
- b. pengenalpastian dan pelaporan segera berkaitan peristiwa/insiden diskriminasi dan pembulian;
- c. pencegahan dan tindak balas terhadap gangguan/keganasan fizikal dan seksual, termasuk kaedah menyokong budaya “tampil dan lapor”;
- d. privasi dan pengendalian selamat maklumat peribadi;
- e. laluan rujukan perkhidmatan yang diperlukan (termasuk penawar perkhidmatan tempatan) dan prosedur menaikkan pertanyaan/aduan kepada pihak yang sewajarnya;
- f. pengenalpastian dan pelaporan segera peristiwa/insiden dan tingkah laku yang merisaukan; dan
- g. kesedaran dan promosi kesejahteraan, termasuk dan tidak terhad kepada perkara-perkara yang berikut:
  - celik dan sokongan kehidupan sihat dan kesihatan mental;
  - kesedaran tentang bunuh diri dan pencederaan kendiri;
  - promosi kesedaran tentang dadah dan alkohol; dan
  - promosi cara hidup sihat.

3.4.3 UPNM mempunyai perancangan bertulis berkenaan dengan sokongan/ bantuan untuk pelajar antarabangsa dan tindakan sewajarnya yang berkesan semasa kecemasan berlaku dalam kalangan komuniti pembelajaran ataupun komuniti penginapan (sama ada setempat ataupun kawasan lebih luas), termasuk dan tidak terhad kepada perkara-perkara yang berikut:

memastikan pelan disediakan untuk pelajar antarabangsa pada permulaan pengajian mereka;

- a. memastikan terdapat warga kerja UPNM yang sentiasa bersedia dan dapat dihubungi oleh pelajar antarabangsa semasa kecemasan;
- b. menyelaraskan penetapan keputusan merentas semua lapisan UPNM bagi mengendalikan kecemasan;

- c. mengedarkan maklumat yang tepat dan persis dengan segera menerusi saluran yang mudah dicapai oleh pelajar antarabangsa dan warga kerja UPNM semasa kecemasan;
- d. memastikan warga kerja UPNM yang berkaitan sedar terhadap petanda ancaman bahaya yang boleh berlaku kepada pelajar antarabangsa atau sesiapa jua dan cakna akan tindakan sewajarnya yang seharusnya diambil bagi memastikan keselamatan mereka;
- e. menyimpan Garis Panduan prosedur peristiwa/insiden kritikal dan kecemasan terkini yang dikemas kini secara berkala untuk dijadikan rujukan utama warga kerja UPNM semasa menghadapi situasi kecemasan yang memperincikan tindakan segera dan selanjutnya yang wajib diambil, termasuk dan tidak terhad kepada perkara-perkara yang berikut:
  - Berhubung dengan agensi kerajaan dan entiti lain yang berkaitan (contohnya PDRM, JIM, KKM, MQA, JPT/KPT, KLN); dan
  - Tindakan susulan taklimat pascakecemasan bagi menyokong semua pelajar antarabangsa dan warga kerja UPNM yang berkaitan; serta
- f. merekodkan peristiwa/insiden kritikal dan kecemasan dan melaporkan kepada pengurusan tertinggi UPNM, pelajar, pihak berkepentingan dan JPT/KPT.

## **4.0 MAKLUM BALAS DAN INPUT PELAJAR ANTARABANGSA**

### **4.1 Input daripada Pelajar Antarabangsa**

- 4.1.1 UPNM mempunyai amalan untuk perkara-perkara yang berikut:
  - a. membina dan mengekalkan secara proaktif hubungan berkesan dengan kumpulan pelajar yang pelbagai yang terdapat di UPNM;
  - b. bekerjasama dengan pelajar, wakil persatuan dan komuniti mereka untuk menambah baik pengurusan pelajar antarabangsa bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan pelajar terjamin;
  - c. menyediakan saluran rasmi dan tidak rasmi untuk pelajar berkomunikasi secara aktif dengan pihak UPNM serta mengambil kira pandangan pelajar dan komuniti mereka; dan

- d. menyediakan pelajar maklumat yang boleh dicapai dengan segera bagi meningkatkan ketelusan UPNM dalam proses membuat keputusan.

#### **4.2 Aduan Pelajar**

- 4.2.1 UPNM melakukan perkara-perkara yang berikut:
  - a. memastikan saluran aduan mudah dicapai oleh pelajar dan menyediakan peluang kepada pelajar membuat aduan bagi tujuan menambah baik pengurusan pelajar antarabangsa di UPNM;
  - b. merekodkan aduan;
  - c. bekerjasama dengan pemegang taruh agar tindakan dan pemprosesan aduan diuruskan secara segera, cekap dan berkesan;
  - d. memaklumkan pelajar tentang proses pengurusan aduan dan status penyelesaian aduan yang dikemukakan;
  - e. membuat laporan tahunan kepada pengurusan UPNM, pelajar, pihak berkepentingan lain yang berkaitan, dan KPT/JPT (termasuk di laman web rasmi UPNM, jika ada) berdasarkan perkara-perkara yang berikut:
  - f. analisis data berdasarkan aduan yang diterima mengikut kategori bilangan, jenis, penyelesaian yang diberi serta pola (trend) aduan yang diterima; dan
  - g. keputusan kajian kepuasan pelajar terhadap proses aduan dan penyelesaian yang diterima; serta
  - h. sekiranya pelajar masih tidak berpuas hati dengan UPNM atas aduan yang dibuat, maka UPNM perlu memaklumkan langkah seterusnya kepada pelajar, iaitu berurusan dengan pihak JPT/KPT.

### **5.0 MAKLUMAT TUNTAS KEPADA BAKAL PELAJAR ANTARABANGSA BERPOTENSI**

#### **5.1 Pemasaran dan Promosi**

- 5.1.1 UPNM mempunyai amalan pemasaran dan promosi yang merangkumi sekurang-kurangnya semua perkara-perkara yang berikut:

- a. mengambil langkah proaktif dalam memahami dan mengenal pasti maklumat yang diperlukan oleh bakal pelajar antarabangsa yang berpotensi;
- b. membangunkan dan menyediakan maklumat kepada bakal pelajar antarabangsa berpotensi serta mengemas kini maklumat secara berkala bagi memastikan maklumat yang disediakan sentiasa relevan dan yang terkini. Penyediaan bahan promosi mestilah mengikut negara yang disasarkan. Contohnya memasukkan elemen-elemen tempatan seperti gambar, bahasa dan grafik yang boleh diterima atau bersesuaian dengan negara sasaran;
- c. memastikan bakal pelajar antarabangsa berpotensi menerima maklumat yang terkini, mudah dicapai dan tepat pada waktunya berkenaan dengan sekurang-kurangnya semua perkara-perkara yang berikut:
- d. keputusan penilaian jaminan kualiti UPNM;
- e. kaedah pengajaran, warga kerja UPNM, infrastruktur, kemudahan, dan peralatan yang disediakan untuk kegunaan pelajar antarabangsa; dan
- f. maklumat yang mudah dicapai, contohnya laman sesawang yang mesra pengguna agar maklumat cepat dan mudah dimuat turun;
- g. peluang pascapengajian berpotensi, termasuk laluan bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, peluang pekerjaan dan peluang latihan industri;
- h. anggaran perbelanjaan pengajian dan sara hidup untuk pelajar antarabangsa, termasuk yuran dan cukai tambahan selain daripada yuran pengajian asas serta maklumat berkaitan dengan kemudahan penajaan; dan
- i. perkongsian maklumat dengan bakal pelajar antarabangsa tentang kaedah mendapatkan maklumat lanjut berkenaan dengan hal ehwal penginapan dan pengangkutan;

## **5.2 Pengurusan dan Pemantauan Ejen Pengambilan Pelajar Antarabangsa**

- 5.2.1 UPNM mempunyai amalan dalam menguruskan dan memantau prestasi dan cara kerja ejen pengambilan pelajar antarabangsa secara berkesan, terutamanya yang berhubung dengan hal ehwal kesejahteraan dan keselamatan pelajar antarabangsa yang terkandung dalam Garis Panduan ini dengan menepati sekurang-kurangnya semua perkara-perkara yang berikut:

- a. menyemak silang dan merekod maklumat yang diberi oleh ejen pengambilan pelajar antarabangsa berpotensi dengan perujuk/pengadil mereka bagi memastikan sejauh yang mungkin perwatakan dan cara kerja ejen pengambilan pelajar antarabangsa tersebut tidak melibatkan perkara-perkara yang tidak benar, mengelirukan, menipu atau melanggar undang-undang Malaysia;
- b. menyimpan senarai ejen pengambilan pelajar antarabangsa dan kontrak bertulis yang dimeterai antara UPNM dengan setiap ejen pengambilan pelajar antarabangsa;
- c. memantau aktiviti dan prestasi ejen pengambilan pelajar antarabangsa sepanjang tempoh sah laku kontrak berdasarkan perkara-perkara yang berikut:
  - tanggungjawab ejen pengambilan pelajar antarabangsa seperti yang terkandung dalam kontrak yang dimeterai; dan
  - mendapatkan maklum balas daripada pelajar antarabangsa/pemegang taruh berhubung dengan keberkesanan perkhidmatan yang disediakan oleh ejen pengambilan pelajar antarabangsa;
- d. menguruskan ejen pengambilan pelajar antarabangsa melalui mekanisme kawalan yang berikut:
  - i. menamatkan kontrak ejen sekiranya terdapat bukti munasabah yang menunjukkan bahawa perkara-perkara ini telah berlaku:
    - ejen didapati terlibat dengan aktiviti yang serius, disengajakan dan masih berlangsung seperti pemalsuan, pengeliruan, penipuan, atau pelanggaran undang-undang Malaysia; atau
    - ejen didapati menyebabkan ketidakpatuhan UPNM terhadap Garis Panduan ini; atau
  - ii. mengambil tindakan yang sewajarnya bagi salah laku secara perbuatan atau penyembunyian oleh ejen pengambilan pelajar antarabangsa; dan
  - iii. menyediakan persada bagi penyaluran kes salah laku ejen pengambilan pelajar antarabangsa;
- e. memastikan ejen pengambilan pelajar antarabangsa diberi akses kepada maklumat untuk pengemaskinian berkala berkaitan dengan tanggungjawab ejen yang dinyatakan dengan jelas dalam kontrak yang dimeterai; dan

f. melaksanakan aktiviti pemerkasaan ejen pengambilan pelajar antarabangsa melalui penganjuran seminar, bengkel, mesyurat dan sebagainya.

5.2.2 Garis Panduan Pelantikan Ejen Pengambilan dan Pengurusan Pelajar Antarabangsa juga telah diwujudkan seperti di **Lampiran B**.

## **6.0 TAWARAN, PENDAFTARAN, DOKUMEN/ KONTRAK PERJANJIAN PENGAJIAN, INSURANS KESIHATAN DAN URUSAN VISA**

### **6.1 Tawaran Program Pengajian**

6.1.1 UPNM memastikan program pengajian yang ditawarkan kepada bakal pelajar antarabangsa adalah diiktiraf kelayakannya oleh Agensi Kelayakan Malaysia di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan bertepatan dengan tahap penguasaan Bahasa Inggeris, keupayaan akademik, hasrat dan jangkaan tentang hasil pembelajaran bakal pelajar antarabangsa berpotensi; dan

6.1.2 UPNM memastikan akreditasi dan kesahihan sijil akademik yang dikemukakan oleh pelajar antarabangsa bersesuaian dengan tahap pendidikan yang dimohon.

### **6.2 Maklumat Wajib Diberi Sebelum Kontrak/ Perjanjian Dimeterai**

6.2.1 UPNM memastikan bakal pelajar antarabangsa berpotensi menerima sekurang-kurangnya maklumat yang tepat, terkini dan bersesuaian tentang perkara-perkara yang berikut sebelum kontrak/perjanjian dimeterai antara UPNM dengan bakal pelajar antarabangsa berpotensi tersebut:

- a. keputusan terkini penilaian jaminan kualiti pendidikan tinggi oleh pihak berkuasa seperti Agensi Kelayakan Malaysia;
- b. penambahbaikan kualiti atau notis pematuhan serta syarat-syarat berdasarkan Akta yang berkuat kuasa wajib dimaklumkan dengan jelas kepada bakal pelajar antarabangsa berpotensi;
- c. pengajian yang ditawarkan serta hasil pascapengajian, iaitu kelayakan yang akan dianugerahkan;
- d. syarat-syarat pembayaran balik yuran;
- e. warga kerja UPNM, kemudahan dan peralatan yang disediakan;
- f. perkhidmatan dan sokongan sedia ada;

- g. keperluan mengambil insurans dan syarat-syarat visa yang perlu dipatuhi bagi mendaftar sebagai pelajar antarabangsa dan melanjutkan pengajian di UPNM;
  - h. maklumat tentang Garis Panduan ini; dan
  - i. semua kos berkenaan dengan penerimaan tawaran program pengajian daripada UPNM.
- 6.2.2 UPNM memastikan bahawa setiap bakal pelajar antarabangsa yang berpotensi dimaklumkan tentang hak dan tanggungjawab pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di UPNM, termasuk hak di bawah Garis Panduan ini sebelum kontrak/perjanjian pendaftaran pengajian dimeterai antara bakal pelajar antarabangsa dengan UPNM ataupun proses pendaftaran sebagai pelajar antarabangsa di UPNM dilakukan.
- 6.3 Kontrak Pendaftaran Pengajian**
- 6.3.1 UPNM memastikan kontrak/perjanjian pendaftaran pengajian yang dimeterai antara UPNM dengan setiap pelajar antarabangsa mengandungi maklumat dan syarat-syarat yang berikut:
- a. maklumat jelas tentang tarikh mula dan tarikh tamat enrolmen pengajian;
  - b. sebab-sebab kontrak pendaftaran pengajian boleh ditamatkan;
  - c. situasi-situasi yang menunjukkan bahawa tingkah laku pelajar antarabangsa melanggar kontrak/perjanjian pendaftaran pengajian; dan
  - d. jenis tindakan disiplin selain penamatan kontrak/perjanjian pendaftaran pengajian yang boleh dikenakan oleh UPNM terhadap pelajar antarabangsa tersebut (seperti penggantungan atau larangan).
- 6.3.2 UPNM memastikan bahawa kontrak/perjanjian pendaftaran pengajian adalah adil dan wajar.

**6.4 Tindakan Disiplin**

- 6.4.1 Sebarang proses yang dilakukan dalam urusan penamatan kontrak/perjanjian pendaftaran pengajian mematuhi prinsip keadilan asasi (termasuk proses yang dapat memastikan penyelesaian yang cekap, dipertimbangkan sedalam-dalamnya dan adil dalam

pengurusan perkara tersebut yang juga merupakan sebab tindakan perlu diambil).

## 6.5 Perlindungan Insurans

- 6.5.1 UPNM memastikan bahawa setiap pelajar antarabangsa berdaftar yang mengikuti mana-mana program pengajian di UPNM memiliki perlindungan insurans yang mencukupi sekurang-kurangnya untuk perkara-perkara yang berikut:
  - a. kemudahan pesakit luar (outpatient);
  - b. kemudahan pesakit dalam (inpatient);
  - c. kemalangan persendirian dan kematian (personal accident and death); dan
  - d. repatriasi (repatriation).
- 6.5.2 Perlindungan insurans untuk pelajar antarabangsa hendaklah berkuat kuasa daritarikh pelajar memasuki Malaysia.

## 6.6 Hal Ehwal Imigresen

- 6.6.1 UPNM mempunyai amalan bagi memastikan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pengajian di UPNM selaras dengan Akta Imigresen yang berkuat kuasa, termasuk perkara-perkara ini:
  - a. memastikan setiap pelajar antarabangsa yang mendaftar bagi mengikuti program pengajian secara fizikal di UPNM mempunyai status imigresen yang membenarkannya melanjutkan pengajian di Malaysia;
  - b. melaporkan pelanggaran syarat-syarat visa oleh pelajar antarabangsa kepada Jabatan Imigresen Malaysia;
  - c. melaporkan status pelajar antarabangsa yang telah tamat dengan jayanya/ diberhentikan/tarik diri daripada program pengajian kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk prosedur Memo Periksa Keluar / Check-Out Memo (COM) dan pemendekan Pas Pelajar.
  - d. IPT yang mempunyai kes pelajar antarabangsa yang didapati gagal menghadirkan diri ke kelas tanpa sebab yang munasabah dan gagal dikesan dalam tempoh 14 hari dikehendaki mengambil tindakan serta-merta mengikut prosedur yang berikut:
    - membuat laporan polis;
    - membuat semakan status pergerakan dengan JIM Negeri;

- mengemukakan senarai nama pelajar antarabangsa yang gagal dikesan kepada JIM Negeri untuk disenarai hitam dan serta mendapatkan pengesahan penerimaan secara bertulis daripada JIM Negeri ; dan
- memaklumkan kepada pihak Kedutaan yang berkenaan secara surat rasmi dan mendapatkan pengesahan penerimaan daripada pihak Kedutaan.

**6.7 Pembayaran Balik Yuran Pelajar Antarabangsa yang Menarik Diri Daripada Pengajian atau Penutupan UPNM**

**6.7.1 UPNM memastikan perkara-perkara yang berikut:**

- a. yuran yang dibayar oleh pelajar antarabangsa selamat dan terjamin sekiranya terdapat kes penarikan diri daripada program pengajian oleh pelajar antarabangsa ataupun penutupan kekal UPNM;
- b. dasar pembayaran balik yuran UPNM kepada pelajar antarabangsa adalah adil dan wajar; dan
- c. UPNM menyediakan dan memberi maklumat yang mencukupi kepada pelajar antarabangsa tentang hak dan tanggungjawab mereka di bawah dasar pembayaran balik yuran UPNM.

**6.7.2 UPNM perlu membuat pembayaran balik yuran kepada pelajar sekiranya pelajar layak mendapat bayaran balik yuran dan tertakluk kepada polisi pembayaran balik yang digariskan oleh Institusi masing-masing. Pembayaran balik yuran wajib termasuk syarat-syarat pembayaran balik untuk keadaan-keadaan yang berikut:**

- a. kegagalan pelajar antarabangsa mendapatkan visa pelajar;
- b. penarikan diri daripada program pengajian secara sukarela oleh pelajar antarabangsa;
- c. kegagalan UPNM menyambung pengoperasian program pengajian yang ditawarkan kepada pelajar antarabangsa sepetimana yang dimeterai antara kedua-dua pihak di bawah kontrak pendaftaran pengajian, sama ada akibat daripada keputusan IPT sendiri ataupun agensi jaminan kualiti pendidikan tinggi seperti Agensi Kelayakan Malaysia;
- d. penamatian IPT sebagai IPT di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti dan Akta 555; dan penutupan kekal IPT.

6.7.3 UPNM wajib menguruskan yuran yang telah dibayar untuk perkhidmatan yang gagal diberi atau bahagian yuran yang belum digunakan seperti yang berikut:

- a. membayar balik nilai yang telah dibayar untuk perkhidmatan yang gagal diberi atau bahagian yuran yang belum digunakan kepada pelajar antarabangsa; atau
- b. memindah nilai yang dipersetujui bersama dengan pelajar kepada IPT yang lain sekiranya diarahkan oleh pelajar antarabangsa sendiri atau agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap mekanisme perlindungan yuran.

## **7.0 DOKUMEN KONTRAK PENGINAPAN PELAJAR ANTARABANGSA**

- 7.1 UPNM secara amnya tidak menyediakan penginapan kepada pelajar antarabangsa. Pihak ejen pengambilan pelajar bertanggungjawab untuk mencari penginapan atau pelajar menentukan sendiri penginapan yang dikehendaki. Walaubagaimanapun, selaras dengan dasar Pengantarabangsaan KPT, UPNM akan membantu semua pihak (ejen dan pelajar) untuk menyelaraskan keperluan penginapan di dalam dan/atau di luar campus.
- 7.2 Pihak ejen perlu memastikan dokumen kontrak penginapan perlu mengandungi perkara-perkara yang berikut:
  - a. pernyataan dalam dokumen perlu jelas, mudah dicapai dan mudah difahami;
  - b. senarai tanggungjawab UPNM dan pelajar antarabangsa;
  - c. pernyataan bahawa maklumat pelajar akan dikongsikan dengan pihak berkepentingan yang memohon;
  - d. kekerapan proses pemantauan terhadap penginapan pelajar antarabangsa; dan
  - e. proses aduan, penyelesaian konflik, dan kes disiplin yang berkaitan dengan pelajar antarabangsa.
- 7.3 Dokumen kontrak penginapan pelajar antarabangsa perlu dikemas kini secara berkala selaras dengan keperluan serta kehendak semasa berpandukan pandangan dan maklum balas pelajar antarabangsa dan wakil persatuan pelajar.

## **8.0 KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN YANG LENGKAP**

- 8.1** UPNM memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan mengambil kira perkara-perkara yang berikut:
- a. mengambil tindakan berdasarkan keperluan semasa pelajar antarabangsa mengikut kesesuaian;
  - b. menyediakan ruang bagi menganjurkan dan menjalankan aktiviti;
  - c. menyediakan ruang yang kondusif bagi menyokong aktiviti pembelajaran;
  - d. menyediakan utiliti, perkhidmatan dan kemudahan lain yang mencukupi dan sesuai dengan saiz dan bilangan residen;
  - e. menyediakan polisi denda dan ganti rugi kerosakan kemudahan yang disediakan;
  - f. menyediakan perancangan baik pulih dan kerja penyelenggaraan kemudahan pelajar; dan
  - g. mewujudkan kawalan proses pengurusan kewangan yang cekap dan berintegriti melalui amalan-amalan yang berikut:
  - h. memberikan resit transaksi kewangan pelajar;
  - i. menyediakan penyata kewangan semasa; dan
  - j. memberikan peringatan status bayaran atau denda tertunggak.
- 8.2** Pihak ejen dikehendaki memastikan sebarang penyenggaraan/penyelenggaraan penginapan pelajar antarabangsa yang dilakukan mengikut jadual berkala pada waktu yang sesuai. Mekanisma Penyelenggaran penginapan pelajar berdasarkan kontrak sewaan premis. Tanggungjawab penyelenggaran penginapan terperinci dalam dokumen tersebut. Ini termasuk kontrak di antara Ejen dengan syarikat Tuan punya premis dan/atau kontrak sewaan premis di antara Pelajar sendiri dengan Tuan punya premis tersebut.

## **9.0 PERSEKITARAN POSITIF, MEMBANTU DAN INKLUSIF DI PENGINAPAN PELAJAR**

- 9.1** Maklumat Tentang Persekitaran Penginapan Pelajar dan Tanggungjawab terhadap Komuniti
- 9.1.1 Ejen dikehendaki memastikan penginapan mempunyai amalan berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut:
- a. memastikan pelajar antarabangsa menerima maklumat dan nasihat yang jelas, mencukupi, tepat dan telus berkenaan dengan jenis dan persekitaran penginapan dan perkhidmatan yang disediakan;

- b. menggunakan maklumat yang diberi oleh pelajar antarabangsa semasa permohonan penginapan bagi membantu merancang penempatan pelajar antarabangsa dan pembangunan pangkalan sumber maklumat;
- c. memastikan pelajar antarabangsa yang tinggal di penginapan yang disediakan memahami tanggungjawab masing-masing dalam persekitaran kehidupan berkomuniti berdasarkan pangkalan sumber maklumat yang dibangunkan;
- d. menyediakan perkhidmatan dan sokongan kepada pelajar antarabangsa yang tinggal di penginapan yang disediakan berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut:
- e. sokongan pembelajaran, kesejahteraan dan keselamatan pelajar; dan
- f. program rakan sebaya yang mengiringi di penempatan yang sama; serta
- g. memberikan maklumat khidmat nasihat kepada pelajar antarabangsa yang tinggal di penginapan berkenaan dengan hal ehwal kesihatan dan keselamatan.
- h. UPNM bertanggungjawab untuk sentiasa memantau prestasi pengurusan Ejen.

## **9.2 Warga Kerja Pengurusan Penginapan Pelajar Antarabangsa**

- 9.2.1 Ejen dikehendaki memastikan perkara-perkara yang berikut:**
  - a. warga kerja yang terlibat hendaklah diberi latihan dan sumber secara berterusan serta bersesuaian dengan peranan mereka;
  - b. pengalaman dan latihan warga kerja mestilah bertepatan dengan jenis dan persekitaran penginapan yang disediakan;
  - c. pengawasan dan pemantauan oleh warga kerja penginapan pelajar antarabangsa sepanjang masa supaya tindakan sewajarnya dapat diambil segera apabila tercetus sesuatu isu;
  - d. UPNM bertanggungjawab untuk sentiasa memantau prestasi pengurusan Ejen.

## **9.3 Pemantauan Proaktif bagi Kesejahteraan dan Keselamatan Pelajar Antarabangsa di Tempat Penginapan**

- 9.3.1 Ejen dikehendaki memastikan bahawa penginapan pelajar antarabangsa mempunyai sekurang-kurangnya amalan untuk perkara-perkara yang berikut:**

- a. bekerjasama dengan penginap bagi menilai keperluan mereka supaya perancangan yang praktikal dapat dijalankan dan dipantau;
- b. mempunyai proses pelaporan dan aduan yang nyata dan jelas di pekarangan penginapan pelajar antarabangsa untuk perkara-perkara yang berikut:
  - pelajar antarabangsa, warga kerja dan pelawat boleh membuat laporan berkenaan dengan tingkah laku pelajar antarabangsa yang mencurigakan; dan
  - ejen mempunyai proses pelaporan dan aduan yang nyata dan jelas di pekarangan penginapan untuk pelajar, warga kerja dan pelawat serta membuat laporan berkenaan dengan tingkah laku pelajar antarabangsa yang mencurigakan dan berisiko terhadap diri sendiri mahupun orang lain; dan
- c. mempunyai perlindungan kebajikan yang bersesuaian, termasuk perkara-perkara yang berikut:
  - pembangunan dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Kebajikan Pelajar Antarabangsa Yang Berisiko, termasuk semakan kebajikan yang menjadi rujukan kepada PTJ/perkhidmatan pihak ketiga;
  - sistem pemantauan aktiviti pelajar antarabangsa yang dilaksanakan secara kerap di penginapan pelajar sebagai rujukan apabila terdapat pelajar yang dikenal pasti sebagai berisiko;
  - pemantauan kesejahteraan boleh diguna pakai mengikut kesesuaian situasi (maklumat ini hendaklah dinyatakan sebagai salah satu klausa peraturan penginapan); dan
  - pemakluman pemantauan berkala hendaklah diberikan dalam tempoh 24 jam sekiranya warga kerja penginapan berhasrat memasuki bilik pelajar antarabangsa;
- d. UPNM bertanggungjawab untuk sentiasa memantau prestasi pengurusan Ejen.

- 9.3.2 Ejen dikehendaki mempunyai capaian sistem bersepodu yang merangkumi pelaporan menyeluruh tentang pelajar antarabangsa yang berisiko agar laporan dan tindakan dapat dilakukan dengan cepat dan cekap; dan
- 9.3.3 Ejen dikehendaki memastikan bahawa penginapan pelajar antarabangsa mempunyai manual prosedur insiden kritikal dan kecemasan.

## **9.4 Penginapan Pelajar Antarabangsa yang Selamat dan Inklusif**

- 9.4.1 Ejen dikehendaki memastikan penginapan pelajar antarabangsa mempunyai sekurang-kurangnya amalan untuk perkara-perkara yang berikut:
- a. memastikan peraturan penginapan jelas, wajar dan mudah dicapai oleh penginapan pelajar antarabangsa, di samping mempromosikan dan menggalakkan perkara-perkara yang berikut:
    - keselamatan pelajar antarabangsa;
    - semangat bekerjasama antara warga kerja dengan warga residen;
    - perasaan bermasyarakat;
    - elemen pembelajaran dan perkembangan diri individu; dan
    - suasana positif dan saling hormat-menghormati dalam kalangan warga residen dan warga kerja;
  - b. melibatkan pelajar antarabangsa dalam peranan-peranan yang berikut:
    - memberikan input untuk penambahbaikan pengurusan penginapan; melibatkan diri dalam aktiviti yang dirancang bagi mewujudkan semangat berkomuniti dalam kalangan pelajar; dan
    - melibatkan diri dalam mempromosi aktiviti pembangunan sahsiah dan kompetensi diri dalam kalangan warga residen.
  - c. UPNM bertanggungjawab untuk sentiasa memantau prestasi pengurusan Ejen.

## **10.0 PELAJAR ANTARABANGSA MENERIMA PROGRAM ORIENTASI, MAKLUMAT DAN NASIHAT SEWAJARNYA**

### **10.1 UPNM melakukan perkara-perkara yang berikut:**

- a. memastikan maklumat dan nasihat yang diberikan kepada pelajar antarabangsa oleh warga kerja UPNM sentiasa tepat, bersesuaian dengan umur pelajar, terkini dan dikongsikan dalam cara yang menepati keperluan semasa dan mengambil kira kepelbagaiannya pelajar antarabangsa yang ada;
- b. memastikan ketersediaan maklumat dan nasihat bersesuaian dengan keperluan pelajar antarabangsa dalam konteks khusus seperti

- persekitaran pembelajaran, komuniti dan penginapan pelajar antarabangsa;
- c. memberikan nama dan maklumat perhubungan warga kerja UPNM yang diberi tanggungjawab menyokong/membantu pelajar antarabangsa kepada pelajar antarabangsa;
  - d. memberikan maklumat yang sewajarnya berkenaan dengan kesihatan dan keselamatan pelajar antarabangsa (termasuk yang berkenaan dengan kekurangupayaan atau kekurangan fizikal pelajar antarabangsa);
  - e. memberikan maklumat tentang pelajar yang telah tamat dengan jayanya/ diberhentikan/tarik diri daripada pengajian;
  - f. memberikan maklumat kepada pelajar antarabangsa tentang hak mereka di sisi undang-undang, tanggungjawab mereka dan sejauh mana mungkin, risiko yang dihadapi apabila mereka bersetuju menerima nasihat atau perkhidmatan yang ditawarkan;
  - g. menyediakan maklumat tentang hak pelajar antarabangsa, termasuk hak pembayaran balik yuran, sekiranya pelajar antarabangsa menarik diri secara sukarela daripada program pengajian; dan
  - h. memberikan maklumat dan nasihat tuntas kepada pelajar antarabangsa tentang perkara-perkara yang berikut:
    - i. semua dasar dan polisi UPNM yang berkaitan;
    - ii. semua perkhidmatan, sokongan/bantuan dan kemudahan yang ditawarkan oleh UPNM;
    - iii. sejauh mana yang mungkin, tatacara menyesuaikan diri dalam persekitaran budaya yang berbeza; dan
    - iv. perkara-perkara khusus yang berikut, sekiranya berkaitan:
    - v. upah, jenis pekerjaan dan waktu bekerja maksimum yang dibenarkan tertakluk kepada syarat-syarat visa yang dipegang oleh pelajar antarabangsa;
    - vi. tatacara mendapatkan maklumat dan bantuan berkenaan dengan peluang pekerjaan; dan
    - vii. tatacara melaporkan salah laku oleh majikan.

## 11.0 KESEJAHTERAAN PELAJAR ANTARABANGSA

### 11.1 Maklumat Berkenaan dengan Bantuan yang disediakan untuk Pelajar Antarabangsa

11.1.1 UPNM mempunyai amalan bagi membolehkan semua pelajar sedia ada mahupun bakal pelajar mengenal pasti dan menguruskan

keperluan asas mereka contohnya makan minum dan pakaian, termasuk dan tidak terhad kepada maklumat tepat, terkini dan menepati keperluan pelajar berkenaan untuk perkara-perkara yang berikut:

- a. perkhidmatan yang diperlukan untuk keperluan asas boleh dicapai melalui pemberi perkhidmatan atau melalui komuniti mahupun perkhidmatan awam yang dapat membantu mereka mengekalkan tahap kesejahteraan dan keselamatan yang memadai;
- b. penginapan yang bersesuaian berserta maklumat berkenaan dengan hak dan tanggungjawab sebagai penyewa penginapan di Malaysia; dan
- c. amalan dan langkah untuk mengekalkan cara hidup yang sihat.

11.1.2 UPNM juga memastikan perkhidmatan makan minum yang disediakan di kampus merangkumi pilihan makan minum yang sihat dan berpatutan harganya.

## **11.2 Meningkatkan Kesedaran Kesihatan Fizikal dan Mental**

11.2.1 UPNM mempunyai amalan yang berikut:

- a. menyediakan peluang dan pengalaman untuk pelajar antarabangsa meningkatkan tahap kesihatan fizikal dan mental, insaniah dan rohani serta keselamatan mereka;
- b. berkongsi maklumat terkini yang boleh dipercayai dengan pelajar berkenaan dengan amalan yang menyokong kesihatan fizikal dan mental yang positif;
- c. menyokong hubungan pelajar dengan bahasa ibunda, identiti dan budaya mereka; dan
- d. menyediakan maklumat terkini yang tepat dan nasihat yang sewajarnya dengan kadar segera untuk pelajar antarabangsa berkenaan perkara-perkara yang berikut:
- e. tatacara mencapai perkhidmatan perubatan dan perkhidmatan kesihatan mental melalui pemberi perkhidmatan swasta, saluran komuniti mahupun perkhidmatan awam;
- f. tatacara melaporkan perkara-perkara atau kerisauan berkait dengan kesihatan dan/atau keselamatan rakan di UPNM;
- g. tatacara menguruskan kecemasan dan berhubung dengan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan; dan
- h. panduan membuat pilihan yang dapat meningkatkan kesejahteraan mereka.

### **11.3 Pemantauan Proaktif dan Amalan Kesejahteraan dan Keselamatan yang Responsif**

- 11.3.1 UPNM mempunyai amalan untuk perkara-perkara yang berikut:
- a. mendapatkan nama waris terdekat dan maklumat perhubungan terkini daripada pelajar bagi tujuan kegunaan semasa kecemasan;
  - b. memperincikan situasi-situasi berkenaan dengan kesejahteraan dan keselamatan pelajar yang membolehkan UPNM menghubungi waris terdekat berdasarkan perkara Para 6.3.1d.;
  - c. menghubungi waris terdekat berdasarkan perkara Para 6.3.1d., atau atas dasar munasabah bahawa pemakluman kepada waris terdekat perlu bagi mengelakkan atau mengurangkan ancaman serius terhadap nyawa ataupun kesihatan pelajar;
  - d. membolehkan pelajar dengan penuh keyakinan terhadap kerahsiaan warga kerja UPNM menghubungi warga kerja UPNM (termasuk pegawai penginapan pelajar) berkenaan dengan keperluan kesihatan fizikal dan mental agar bantuan dan sokongan yang sewajarnya dapat diberikan kepada pelajar secara proaktif;
  - e. menyediakan ruang yang selamat kepada pelajar bagi melaporkan kerisauan berkenaan dengan hal sendiri maupun orang lain;
  - f. menyediakan mekanisme bersesuaian dalam mengenal pasti pelajar berisiko secara berkala;
  - g. mengenal pasti pelajar berisiko tinggi dalam mengancam atau membahayakan orang lain, dan;
    - mempunyai laluan yang sewajarnya untuk membantu pelajar mencapai perkhidmatan apabila diperlukan; dan
    - melindungi pelajar dan warga kerja UPNM yang mengalami gangguan atau/ dan ancaman daripada pelajar atau warga kerja UPNM yang lain, termasuk gangguan seksual;
  - h. memudah cara pelajar kurang upaya atau mereka yang terjejas akibat kesihatan dan hal ehwal kesejahteraan dari segi keperluan akademik dan pembelajaran, (termasuk pilihan pembelajaran dari luar kampus);
  - i. mengendalikan tingkah laku yang menimbulkan gangguan atau ancaman dengan mengambil kira situasi pelajar; dan

- j. membantu dan menyokong pelajar yang mengalami masalah meneruskan pengajian akibat malapetaka luar kawalan mereka serta menyediakan dan berkongsi maklumat dengan pelajar tentang proses kesinambungan pengajian yang inklusif dan mudah dicapai agar mereka dapat menyambung pengajian apabila bersedia kelak.
- 11.3.2 UPNM diwajibkan menyimpan rekod risiko yang dilaporkan, termasuk sebarang kerisauan yang dibangkitkan sebagai pematuhan kod Garis Panduan ini dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

## **12.0 PERSEKITARAN PEMBELAJARAN FIZIKAL DAN DIGITAL YANG SELAMAT, INKLUSIF, MEMBANTU DAN MUDAH DICAPAI**

### **12.1 Komuniti Selamat dan Kondusif**

- 12.1.1 UPNM mempunyai amalan untuk perkara-perkara yang berikut:
- a. mengurangkan bahaya kepada pelajar akibat diskriminasi, pembulian, gangguan dan penderaan;
  - b. melibatkan pelajar dan kakitangan bagi mengenal pasti dan mengambil tindakan sewajarnya yang berkesan dalam menangani diskriminasi, pembulian, gangguan dan penderaan;
  - c. mempromosikan budaya inklusif merentas persekitaran pembelajaran dengan menyediakan maklumat yang menyokong persefahaman, penerimaan dan tanggungjawab bersama; dan
  - d. menyediakan perkhidmatan bantuan dan sokongan budaya, rohani dan komuniti sedia ada yang boleh digunakan oleh pelajar antarabangsa;

### **12.2 Menyokong Penyertaan dan Penglibatan Pelajar**

- 12.2.1 UPNM menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif dan perkongsian pendapat dalam kalangan pelajar antarabangsa untuk perkembangan jaringan sosial, rohani dan budaya;
- a. mengupayakan pelajar agar bersedia dan dapat menyesuaikan diri bagi mengikuti pengajian;
  - b. mengekalkan pemantauan sewajarnya terhadap pencapaian dan penglibatan pelajar;

- c. membina kepercayaan dan menyediakan peluang untuk pelajar antarabangsa berbincang tentang perkara yang menjelaskan pengajian mereka dan memberi maklum balas yang sewajarnya bagi isu yang dihadapi; dan
- d. menawarkan khidmat nasihat yang sewajarnya berkenaan dengan laluan pengajian lanjutan dan peluang pekerjaan.

12.2.2 UPNM mempunyai amalan bagi menyokong pelajar sepanjang perjalanan pengajian mereka, termasuk:

### **12.3 Kemudahan dan Ruang Fizikal dan Digital**

12.3.1 UPNM mempunyai amalan untuk perkara-perkara yang berikut:

- a. menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan selamat;
- b. meningkatkan kemudahcapaian kemudahan dan perkhidmatan IPT; dan
- c. melibatkan pelajar dalam usaha penambahbaikan persekitaran fizikal dan digital.

## **13.0 PENGURUSAN ALUMNI ANTARABANGSA**

13.1 UPNM memahami peranan alumni antarabangsa sebagai duta promosi pendidikan tinggi Malaysia dan mempunyai amalan-amalan yang berikut bagi memastikan kesinambungan perhubungan dengan pelajar antarabangsa diteruskan sehingga peringkat pascapengajian:

- a. membina dan mengekalkan hubungan berkesan secara proaktif dengan kumpulan pelajar, terutamanya pelajar tahun akhir;
- b. data alumni antarabangsa sentiasa dikemas kini secara berkala dan tersedia;
